

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kesesuaian perisian Lisan Bahasa Malaysia sebagai bahan bantu belajar sendiri oleh pelajar-pelajar SPM. Kajian dijalankan di Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Kuala Lumpur. Sebanyak 178 orang pelajar telah dipilih untuk memberi respon kepada soal-selidik.

Dapatan kajian adalah seperti berikut:

1. Lebih separuh daripada pelajar mengatakan bahawa perisian ini sesuai dijadikan sebagai alat bantu belajar sendiri untuk Lisan SPM terutamanya dalam menguasai isi utama sewaktu menjawab soalan (54.5%) dan dapat meningkatkan pengetahuan mereka untuk menghadapi ujian Lisan SPM (64.6%).
2. Kebanyakan pelajar juga bersetuju bahawa tahap soalan dan jawapan telah mencapai tahap SPM, harga CD adalah berpatutan, imej video adalah jelas, audio yang digunakan adalah sesuai, jenis, saiz dan warna font yang digunakan adalah sesuai dan warna latar belakang juga sesuai. Namun begitu, pelajar-pelajar mengatakan bahawa pemasangan adalah kompleks, rekabentuk muka CD dan rekabentuk skrin kurang menarik dan muzik yang digunakan kurang sesuai.
3. Kebanyakan pelajar (62.9%) bersetuju bahawa perisian ini telah memberi manfaat kepada mereka sebagai alat meningkatkan kemahiran berbahasa Malaysia.

**THE SUITABILITY OF "LISAN BAHASA MALAYSIA" COURSEWARE AS SPM
STUDENT'S SELF-LEARNING EDUCATIONAL AID AT CHONG HWA
INDEPENDENT HIGH SCHOOL, KUALA LUMPUR.**

ABSTRACT

The purpose of this survey is to examine the suitability of "Lisan Bahasa Malaysia" courseware as student's self-learning educational aid. A total of 178 students from Chong Hwa Independent High School, Kuala Lumpur have been chosen to respond to this survey.

Below are the results of the survey:

- 1. More than half of the students stated that the courseware is suitable as SPM Lisan self-learning educational aid, especially in mastering the main points in answering questions (54.5%) and increase their knowledge in SPM Lisan examination (64.6%).*
- 2. Most of the students agreed that the questions asked and answers given are up to the SPM standard. The price of the CD is reasonable, the images of the video are clear as well as the audio. The font-type, sizes and background colours are suitable. However, the students stated that the installation process is complicated, the CD cover design and the screen design are less attractive. They also indicated that the music used in the courseware are not so suitable.*
- 3. Most of the students (62.9%) agreed that the courseware had benefited them as an educational aid to increase their skills in Bahasa Malaysia conversation.*